

**SOALAN LAZIM**  
**KEMPEN FANTASTIC DUO: PAY & WIN**

**1. Soalan:**

Apakah Kempen *Fantastic Duo: Pay & Win*?

**Jawapan:**

Kempen *Fantastic Duo: Pay & Win* merupakan kempen anjuran PTPTN yang bertujuan untuk menggalakkan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui **potongan gaji** dan **debit terus (direct debit)** yang dimohon secara *online (e-mandate)* di portal PTPTN di mana Bank Islam merupakan bank peserta.

**2. Soalan:**

Bilakah tempoh Kempen *Fantastic Duo: Pay & Win* ini bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen bermula **1 Disember 2022 sehingga 30 April 2023** dan dilanjutkan **sehingga 31 Mei 2023**.

**3. Soalan:**

Apakah terma dan syarat untuk menyertai Kempen ini?

**Jawapan:**

Terma dan syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada pembayar peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN di dalam tempoh kempen;
- ii. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN serta ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- iii. Untuk penyertaan ini, peminjam **hendaklah merupakan pengguna berdaftar aplikasi myPTPTN**.
- iv. Syarat penyertaan dan kelayakan cabutan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Perkara	Pelanggan Baharu	Pelanggan Sedia Ada
i.  <b>Debit Terus (Direct Debit)</b>	Syarat Penyertaan		Terbuka kepada peminjam yang membuat pendaftaran <b>debit terus (direct debit)</b> melalui <b>e-mandate</b> dalam tempoh kempen.	Terbuka kepada peminjam yang sedang membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui <b>debit terus (direct debit)</b> di dalam tempoh kempen.
	Kelayakan Cabutan		i. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi pendaftaran baharu debit terus ( <i>direct debit</i> ) yang berjaya melalui <i>e-mandate</i> di dalam tempoh kempen; dan  ii. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi setiap transaksi debit	i. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi setiap transaksi debit terus ( <i>direct debit</i> ) yang berjaya di dalam tempoh kempen.

Bil.	Kategori	Perkara	Pelanggan Baharu	Pelanggan Sedia Ada
			terus ( <i>direct debit</i> ) yang berjaya di dalam tempoh kempen.	
ii	<b>Potongan Gaji</b>	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam yang membuat permohonan <b>potongan gaji</b> dalam tempoh kempen.	Terbuka kepada peminjam yang sedang membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui <b>potongan gaji</b> dalam tempoh kempen.
		Kelayakan Cabutan	i. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi permohonan baharu potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen; dan ii. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi setiap transaksi potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen.	i. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi setiap transaksi potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen.

- iv. Peminjam perlu memastikan bayaran balik pinjaman melalui debit terus (*direct debit*) atau potongan gaji kekal aktif sehingga tarikh cabutan, kecuali bagi pinjaman yang telah dibuat penyelesaian penuh; dan
- v. Sekiranya berlaku kematian peminjam dalam tempoh kempen, akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman.

**4. Soalan:**

Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan Kempen *Fantastic Duo: Pay & Win* ini?

**Jawapan:**

Tidak perlu kerana kelayakan Kempen *Fantastic Duo: Pay & Win* ini adalah automatik bagi peminjam yang layak.

**5. Soalan:**

Apakah yang dimaksudkan dengan pengguna berdaftar?

**Jawapan:**

Pengguna berdaftar adalah merupakan pengguna yang telah mendaftar aplikasi myPTPTN di Web Aplikasi myPTPTN atau melalui aplikasi myPTPTN di telefon pintar.

**6. Soalan:**

Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah **DUA PULUH (20) HARI** selepas tamat tempoh kempen. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan

keadaan semasa.

**7. Soalan:**

Jika peminjam meninggal dunia dalam tempoh kempen, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

Layak, tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman.

**8. Soalan:**

Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

**Jawapan:**

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:-

**Kategori 1 : Debit Terus (Direct Debit)**

Kedudukan	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	RM10,000.00	1
Saguhati	RM500.00	80

**Kategori 2 : Potongan Gaji**

Kedudukan	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	RM10,000.00	1
Saguhati	RM500.00	80

**9. Soalan:**

Bagaimanakah makluman kepada pemenang Kempen *Fantastic Duo: Pay & Win* akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

**10. Soalan:**

Sekiranya jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, adakah pemenang masih akan menerima baki nilai hadiah tersebut?

**Jawapan:**

Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka oleh pemenang sebagai pendeposit. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun

Simpan SSPN Prime, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara *pre-opening*.

**11. Soalan:**

Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada akaun pinjaman pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah tunai berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman / simpanan di Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) atau menghubungi talian Careline [03-2193 3000](tel:03-2193 3000) untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh Kempen Fantastic Duo: Pay & Win*

*Maklumat dikemaskini pada 11 April 2023*